

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN PERTAMA 2025

**Malaysia merekodkan pertumbuhan 4.4 peratus pada suku pertama, disokong oleh permintaan pengguna dan pelaburan aset yang stabil**

**PUTRAJAYA, 16 MEI 2025** – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun pertama 2025 bertumbuh sebanyak 4.4 peratus berbanding 4.9 peratus pada suku tahun keempat 2024. Bagi terma pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK pulih kepada 0.7 peratus (ST4 2024: -0.2%) pada suku tahun ini. Prestasi ekonomi bulanan bertumbuh 3.5 peratus dan 3.6 peratus masing-masing pada bulan Januari dan Februari, sebelum meningkat kepada 6.0 peratus pada bulan Mac 2025. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam keluaran KDNK bagi Suku Tahun Pertama 2025 hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pengembangan ekonomi pada suku tahun ini disokong oleh prestasi yang stabil dari segi penawaran, terutamanya sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Ini mencerminkan pengeluaran domestik yang kukuh dan asas industri yang pelbagai walaupun berdepan cabaran global. Dari segi permintaan, sentimen pengguna dan perniagaan kekal positif, dengan perbelanjaan dipacu oleh sambutan perayaan, aktiviti perjalanan dan pelaburan yang berterusan terutamanya dalam projek yang berkaitan pembinaan. Peningkatan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) beserta bayaran fasa pertama Sumbangan Tunai Rahmah (STR) turut menyokong momentum pertumbuhan ekonomi."

Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 5.0 peratus (ST4 2024: 5.5%) pada suku tahun pertama 2025, dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit pada 4.3 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam segmen Perdagangan borong (5.4%) dan Perdagangan runcit (4.1%), manakala segmen Kenderaan Bermotor menurun (-2.2%) pada suku tahun ini. Selain itu, subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan Perkhidmatan perniagaan menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, masing-masing sebanyak 9.5 peratus dan 7.7 peratus, hasil daripada permintaan berterusan dalam segmen perdagangan dan perkhidmatan

profesional serta khidmat sokongan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan bertumbuh 0.7 peratus (ST4 2024: 0.3%).

Sektor **Pembuatan** menyederhana kepada 4.1 peratus (ST4 2024: 4.2%) pada suku tahun ini, didorong oleh permintaan luar yang berterusan bagi Produk elektrik dan elektronik, menekankan peranan strategik negara dalam rantai bekalan global. Namun begitu, industri berorientasikan domestik bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan, dipengaruhi oleh Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pemberian berikut pengeluaran kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan yang lebih rendah. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat 1.4 peratus (ST4 2024: -1.2%).

Sektor **Pembinaan** meningkat dengan ketara pada 14.2 peratus (ST4 2024: 20.7%), menandakan pertumbuhan dua digit selama lima suku tahun berturut-turut. Prestasi kukuh sektor ini diterajui oleh segmen Bangunan bukan kediaman yang melonjak 21.4 peratus, didorong oleh projek pusat data di Johor dan fasiliti industri seperti kilang. Ini diikuti oleh Aktiviti pertukangan khas (17.2%), Bangunan Kediaman (16.6%) dan Kejuruteraan awam (5.2%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini meningkat 1.1 peratus (ST4 2024: -0.2%).

Di samping itu, sektor **Pertanian** pulih kepada 0.6 peratus (ST4 2024: -0.7%) disebabkan oleh prestasi yang kukuh dalam subsektor Perikanan laut pada 10.3 peratus. Selain itu, subsektor Pertanian lain merekodkan peningkatan 2.2 peratus, disokong oleh pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan. Walau bagaimanapun, subsektor Kelapa sawit menurun -3.1 peratus berikutan hasil buah tandan segar yang lebih rendah. Sektor ini pulih kepada 1.1 peratus (ST4 2024: -2.8%) berdasarkan pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** terus merosot pada suku tahun ini kepada -2.7 peratus (ST4 2024: -0.7%), dipengaruhi oleh penguncupan dalam subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat, masing-masing sebanyak -2.2 peratus dan -4.6 peratus. Penurunan ini menunjukkan pengurangan pengeluaran dalam aktiviti hulu utama. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini mencatatkan penyusutan -1.9 peratus berbanding pertumbuhan 4.0 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya.

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawaran Malaysia menyatakan bahawa, "**Perbelanjaan penggunaan akhir swasta** bertumbuh 5.0 peratus, mereda sedikit daripada 5.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh perbelanjaan dalam Pengangkutan (9.1%), Restoran & hotel (13.2%) serta Makanan & minuman bukan alkohol (4.3%), menunjukkan peningkatan dalam aktiviti berkaitan perjalanan, pelancongan dan musim perayaan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 1.5 peratus (ST4 2024: 0.9%)."

**Pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** atau pelaburan dalam aset tetap meningkat 9.7 peratus berbanding 11.8 peratus pada suku tahun sebelumnya, disumbang oleh prestasi kukuh yang berterusan dalam komponen Struktur yang bertumbuh 13.4 peratus. Prestasi ini menunjukkan aktiviti pembangunan yang berterusan dalam projek pembinaan kediaman dan bukan kediaman di seluruh negara. Selain itu, pelaburan dalam Mesin & peralatan dan Aset lain masing-masing berkembang 5.4 peratus dan 7.2 peratus. Dari segi sektoral, kedua-dua sektor Awam dan Swasta menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan yang kukuh pada suku tahun ini. Bagi pelarasannya musim suku tahun ke suku tahun, PMTK merekodkan peningkatan marginal sebanyak 0.8 peratus (ST4: -0.03%).

Beliau juga menyebut bahawa, “**Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan** meningkat 4.3 peratus (ST4 2024: 4.0%), dipengaruhi oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasannya musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan pulih sebanyak 0.1 peratus (ST4 2024: -0.6%). Bagi sektor luaran, prestasi **Eksport** terus mengatasi **Import**, meningkat 4.1 peratus (ST4 2024: 8.7%) berbanding pertumbuhan import sebanyak 3.1 peratus (ST4 2024: 5.9%). Oleh itu, **Eksport bersih** kekal positif bagi dua suku tahun berturut-turut, mencatatkan pengembangan 19.6 peratus. Walaupun ini menunjukkan penurunan daripada pertumbuhan luar biasa sebanyak 63.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, ini menunjukkan daya tahan perdagangan Malaysia meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan.

Selain keluaran hari ini, DOSM turut menerbitkan laporan KDNK tahunan bagi tahun 2024 yang merangkumi semakan semula data KDNK untuk tahun 2022, 2023 dan 2024 masing-masing pada 9.0 peratus, 3.5 peratus dan 5.1 peratus. KDNK suku tahunan dan bulanan turut disemak semula berdasarkan laporan tahunan syarikat yang dikemaskini, Banci Ekonomi 2023 serta data sekunder daripada agensi yang berkaitan. Semakan semula ini berpandukan kepada amalan statistik terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan, kebolehbandingan dan menyediakan statistik yang terkini.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengarusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Mei 2025**

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**16 MEI 2025**


## LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),  
ST1 2022 – ST1 2025 dan 2022 – 2024**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 2000 – 2024**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Embargo:** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Mei 2025

### Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2022-2025




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST4 2024 & ST1 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


### Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST4 2024 & ST1 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Mei 2025**

### **Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, Januari – Mac 2025**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### **Carta 7: KDNK Pelarasan Musim (Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST1 2019 – ST1 2025**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

### **Carta 8: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2022 – ST1 2025**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 16 Mei 2025**

### **Jadual 1: Prestasi KDNK Negara Terpilih**

Negara Terpilih	2023	2024	2023				2024				2025
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	
<b>NEGARA ASEAN</b>											
Malaysia	3.5	<b>5.1</b>	5.7	2.7	3.1	2.8	4.2	5.9	5.4	4.9	<b>4.4</b>
Singapura	1.8	<b>4.4</b>	1.0	1.3	1.9	3.1	3.2	3.4	5.7	5.0	<b>3.8*</b>
Brunei	1.1	<b>4.2</b>	0.8	-3.1	-0.4	6.8	6.8	6.0	6.0	-1.1	<b>t.t</b>
Thailand	2.0	<b>2.5</b>	2.7	1.9	1.6	1.8	1.7	2.3	3.0	3.2	<b>t.t</b>
Indonesia	5.1	<b>5.0</b>	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0	<b>4.9</b>
Vietnam	5.1	<b>7.1</b>	3.4	4.3	5.5	6.7	6.0	7.3	7.4	7.6	<b>6.9</b>
Filipina	5.5	<b>5.7</b>	6.4	4.3	6.0	5.5	5.9	6.5	5.2	5.3	<b>5.4</b>
<b>NEGARA LAIN</b>											
Amerika Syarikat	2.9	<b>2.8</b>	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5	<b>2.0*</b>
Kesatuan Eropah	0.4	<b>1.0</b>	1.2	0.5	0.1	0.4	0.6	0.8	1.1	1.4*	<b>1.4*</b>
Sepanyol	2.7	<b>3.2</b>	3.9	2.4	2.2	2.3	2.7	3.3	3.3	3.3	<b>2.8</b>
Itali	0.7	<b>0.7</b>	2.1	0.4	0.2	0.6	0.3	0.7	0.6	0.5	<b>0.6</b>
Perancis	0.9	<b>1.2</b>	1.0	1.3	0.9	1.2	1.4	1.0	1.3	0.8	<b>0.8</b>
United Kingdom	0.4	<b>1.1</b>	0.8	0.5	0.4	-0.2	0.7	1.1	1.2	1.5	<b>t.t</b>
Republik Rakyat China	5.2	<b>5.0</b>	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4	<b>5.4</b>
Republik Korea	1.4	<b>2.0</b>	1.1	1.0	1.4	2.1	3.3	2.3	1.5	1.2	<b>-0.1*</b>

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

Nota:

% perubahan tahun ke tahun

\* anggaran awalan

t.t tidak tersedia

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## ***MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE FIRST QUARTER OF 2025***

***Malaysia recorded 4.4 per cent growth in first quarter,  
anchored by steady consumer demand and capital investment***

**PUTRAJAYA, MAY 16, 2025** – Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) in the first quarter of 2025 grew by 4.4 per cent as compared to 4.9 per cent in the fourth quarter of 2024. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, GDP rebounded to 0.7 per cent (Q4 2024: -0.2%) in this quarter. The monthly economic performance grew by 3.5 per cent and 3.6 per cent in January and February, respectively, before accelerating to 6.0 per cent in March 2025. This is reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of GDP for the First Quarter of 2025.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “This quarter’s economic expansion was supported by steady performance on the supply side, notably in the Services, Manufacturing and Construction sectors. This reflects a healthy pace of domestic production and a well diversified industrial base despite global challenges. On the demand side, consumer and business sentiment remained positive, with spending boosted by festive celebrations, travel activities and ongoing investments, particularly in construction-related projects. The salary increment for civil servant under Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) along with the rollout of the first phase of Sumbangan Tunai Rahmah (STR) further support the overall economic momentum.”

In terms of sectoral performance, the **Services** sector expanded by 5.0 per cent (Q4 2024: 5.5%) in the first quarter of 2025, driven by the Wholesale & retail trade sub-sector at 4.3 per cent. This growth was underpinned by increases in the wholesale (5.4%) and retail (5.2%) segments, while motor vehicles declined (-3.7%) in this quarter. Furthermore, Transportation & storage and Business services sub-sectors demonstrated strong growth of 9.5 per cent and 7.7 per cent, respectively, benefiting from continued demand in freight segments as well as professional and business

support services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Services sector grew by 0.7 per cent (Q4 2024: 0.3%).

The **Manufacturing** sector moderated to 4.1 per cent (Q4 2024: 4.2%) in this quarter, supported by sustained external demand for Electrical and electronic products, emphasizing the country's strategic role in global supply chains. Nonetheless, domestic-oriented industries softened, influenced by the Transport equipment, other manufacturing and repair following lower production in motor vehicles & transport equipment. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, the Manufacturing sector increased by 1.4 per cent (Q4 2024: -1.2%).

The **Construction** sector grew substantially by 14.2 per cent (Q4 2024: 20.7%), marking its fifth consecutive quarter of double-digit growth. The sector's robust performance was led by Non-residential buildings, which surged by 21.4 per cent, spurred by data center projects particularly in Johor and industrial facilities such as factories. This was followed by Specialised construction activities (17.2%), Residential buildings (16.6%) and Civil engineering (5.2%). On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector increased by 1.1 per cent (Q4 2024: -0.2%).

In addition, the **Agriculture** sector rebounded to 0.6 per cent (Q4 2024: -0.7%), attributed to strong performance in the Marine fishing sub-sector at 10.3 per cent. Furthermore, the Other agriculture sub-sector recorded a 2.2 per cent increase, supported by production of vegetables and fruits. Nonetheless, the Oil palm sub-sector declined by -3.1 per cent following lower yields of fresh fruit bunches. This sector rebounded to 1.1 per cent (Q4 2024: -2.8%) on a quarter-on-quarter seasonally adjusted.

The **Mining and quarrying** sector declined further in this quarter to -2.7 per cent (Q4 2024: -0.7%), influenced by contractions in the Natural gas and Crude oil & condensate sub-sectors at -2.2 per cent and -4.6 per cent, respectively. The downturns reflect subdued output across key upstream activities. In terms of quarter-on-quarter seasonally adjusted, this sector posted a decline of -1.9 per cent, reversing from 4.0 per cent growth recorded in the previous quarter.

Commenting further, the Chief Statistician of Malaysia stated, "**Private final consumption expenditure** grew by 5.0 per cent, easing slightly from 5.3 per cent in the preceding quarter. The growth was driven by spending in Transport (9.1%), Restaurants & hotels (13.2%) and Food & non-alcoholic beverages (4.3%), reflecting heightened activity related to travel, tourism and festive seasons. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Private final consumption expenditure rose by 1.5 per cent (Q4 2024: 0.9%)."

**Gross fixed capital formation (GFCF)** or investment in fixed assets, increased by 9.7 per cent from 11.8 per cent in the previous quarter, attributed to the continued strength in the Structure component, which grew by 13.4 per cent. The sustained performance reflects ongoing development activity in residential and non-residential construction projects across the country. Additionally, investments in Machinery & equipment and Other assets expanded by 5.4 per cent and 7.2 per cent, respectively. From a sectoral perspective, both the public and private sectors contributed to the strong investment growth this quarter. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, GFCF recorded a marginal improvement of 0.8 per cent (Q4 2024: -0.03%).

He also mentioned that, “**Government final consumption expenditure** rose by 4.3 per cent (Q4 2024: 4.0%), influenced by spending on supplies and services. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted, Government final consumption expenditure rebounded by 0.1 per cent (Q4 2024: -0.6%). Externally, **Exports** performance continued to surpass **Imports**, rising by 4.1 per cent (Q4 2024: 8.7%) as compared to a 3.1 per cent (Q4 2024: 5.9%) growth in imports. Therefore, **Net exports** remained in positive territory for the second consecutive quarter, posting a 19.6 per cent expansion. While this marked a moderation from the exceptional 63.6 per cent growth in the previous quarter, it underscores the resilience of Malaysia’s trade despite lingering global economic uncertainties.”

In addition to today’s release, DOSM also published the annual GDP report for 2024 which includes updated GDP figures for the year 2022, 2023 and 2024 at 9.0 per cent, 3.5 per cent and 5.1 per cent, respectively. The revised data are also reflected across quarterly and monthly GDP time series based on latest information from company’s annual reports, the Economic Census 2023 and secondary data from relevant agencies. These revisions comply with best statistical practices aligned with international standards to ensure the reliability, comparability and provide timely statistics.

**ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship:** The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Friday, 16<sup>th</sup> May 2025**

*The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*Released by:*


**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**16 MAY 2025**


## APPENDIX

**Chart 1: Gross Domestic Product (GDP),  
Q1 2022 – Q1 2025 and 2022 – 2024**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 2: Annual GDP Growth, 2000 – 2024**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 3: Monthly and Quarterly GDP Growth, 2022 – 2025**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity, Q4 2024 & Q1 2025**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 5: Quarterly GDP Growth by Type of Expenditure, Q4 2024 & Q1 2025**




**Chart 6: Monthly GDP Growth by Kind of Economic Activity,  
January – March 2025**




Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 7: Seasonally Adjusted GDP  
(Percentage Change from Preceding Quarter), Q1 2019 – Q1 2025**



Source: Department of Statistics Malaysia

**Chart 8: Gross National Income (GNI) Per Capita, Q1 2022 – Q1 2025**



Source: Department of Statistics Malaysia

**Table 1: GDP Performance for Selected Countries**

Selected Countries	2023	2024	2023				2024				2025
			Q1	Q2	Q3	Q4	Q1	Q2	Q3	Q4	
<b>ASEAN COUNTRIES</b>											
 Malaysia	3.5	<b>5.1</b>	5.7	2.7	3.1	2.8	4.2	5.9	5.4	4.9	<b>4.4</b>
 Singapore	1.8	<b>4.4</b>	1.0	1.3	1.9	3.1	3.2	3.4	5.7	5.0	<b>3.8*</b>
 Brunei	1.1	<b>4.2</b>	0.8	-3.1	-0.4	6.8	6.8	6.0	6.0	-1.1	<b>n.a</b>
 Thailand	2.0	<b>2.5</b>	2.7	1.9	1.6	1.8	1.7	2.3	3.0	3.2	<b>n.a</b>
 Indonesia	5.1	<b>5.0</b>	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1	5.0	5.0	<b>4.9</b>
 Vietnam	5.1	<b>7.1</b>	3.4	4.3	5.5	6.7	6.0	7.3	7.4	7.6	<b>6.9</b>
 Philippines	5.5	<b>5.7</b>	6.4	4.3	6.0	5.5	5.9	6.5	5.2	5.3	<b>5.4</b>
<b>OTHER COUNTRIES</b>											
 United States of America	2.9	<b>2.8</b>	2.3	2.8	3.2	3.2	2.9	3.0	2.7	2.5	<b>2.0*</b>
 European Union	0.4	<b>1.0</b>	1.2	0.5	0.1	0.4	0.6	0.8	1.1	1.4*	<b>1.4*</b>
 Spain	2.7	<b>3.2</b>	3.9	2.4	2.2	2.3	2.7	3.3	3.3	3.3	<b>2.8</b>
 Italy	0.7	<b>0.7</b>	2.1	0.4	0.2	0.6	0.3	0.7	0.6	0.5	<b>0.6</b>
 France	0.9	<b>1.2</b>	1.0	1.3	0.9	1.2	1.4	1.0	1.3	0.8	<b>0.8</b>
 United Kingdom	0.4	<b>1.1</b>	0.8	0.5	0.4	-0.2	0.7	1.1	1.2	1.5	<b>n.a</b>
 People's Republic of China	5.2	<b>5.0</b>	4.7	6.5	5.0	5.3	5.3	4.7	4.6	5.4	<b>5.4</b>
 Republic of Korea	1.4	<b>2.0</b>	1.1	1.0	1.4	2.1	3.3	2.3	1.5	1.2	<b>-0.1*</b>

Source: Official website of Selected National Statistical Office

**Note:**

- % year-on-year change
- \* advance estimates
- n.a not available